

SASTIEC 2017 sedia banyak aktiviti



Oleh GHAZALI ALIAS

KUANTAN - Penganjuran Sultan Ahmad Shah Tioman International Eco Challenge (SASTIEC) 2017 di Pulau Tioman, Pahang pada 9 hingga 13 Mei depan bakal diwarnai dengan pelbagai aktiviti menarik buat pengunjung dan warga tempatan.

Selain acara utama iaitu perlumbaan sukan lasak sejauh 50 kilometer, pelbagai program masyarakat dan karnival turut diadakan bagi merencanakan penganjuran acara tahunan terbesar di Pulau Tioman itu.

Ini merupakan tahun ke-10 penganjuran SASTIEC sejak tahun 2008.

Pengarah Acara SASTIEC 2017, Leftenan Kolonel Datuk Thong Kok Sing (gambar kecil) memberitahu,



penganjuran SASTIEC kali ini mendapat sambutan menggalakkan daripada lebih 10 penaja dan agensi kerajaan serta swasta yang akan turut serta mengadakan program bersama masyarakat di Pulau Tioman.

"Kita akan mengadakan pelbagai program menarik yang bukan sahaja memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk menjana pendapatan sampingan malah turut diselitkan aktiviti ilmiah dan kemasyarakatan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Katanya, antara program kemasyarakatan yang bakal dianjurkan agensi-agensi kerajaan adalah khidmat pemeriksaan kesihatan dan berkhidmat pada 9 hingga 14 Mei yang kelolaan Jabatan Kesihatan Negeri Pahang.

"Selain itu, seminar kejayaan



KOK SING (depan, dua dari kanan) bergambar dengan anggota pasukan tinjauan awal ke atas laluan SASTIEC 2017 di Pulau Tioman baru-baru ini.

anak dalam akademik pula akan dianjurkan oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) manakala sesi jiwa murni dan tunjuk ajar pencegahan kebakaran diadakan oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan program sukan aneka dianjurkan Lembaga Pembangunan Tioman di Dataran Tiong," katanya.

Beliau berkata, pasukan Askar Wataniah Rejimen 505 serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Pahang akan membantu sebagai pasukan penyelamat jika terdapat peserta yang cedera atau terjadi sebarang kes kecemasan sepanjang acara tersebut.

Katanya, pihak UMP juga akan melakukan kajian ke atas tukun tiruan yang diletakkan di Taman Laut Tioman.

"Malam penyampaian hadiah SASTIEC 2017 pada 13 Mei depan pula akan diserikan dengan persembahan kebudayaan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Pahang dan kerajaan negeri juga akan mengadakan jamuan rakyat pada tarikh sama.



"Semua program ini dibuka untuk penglibatan penduduk tempatan. Ia bertujuan untuk memberikan mereka peluang menambah pengetahuan di dan mengeratkan hubungan kemasyarakatan," ujarnya.

Dalam pada itu, Kok Sing berkata, pemenang tempat pertama hingga kelima bagi semua kategori kecuali veteran yang dipertandingkan pada SASTIEC 2017 bakal meraih bonus RM2,000.

Beliau berkata, bonus berkenaan diberikan sempena meraihan ulang tahun SASTIEC yang

memasuki edisi ke-10 tahun ini. "Hasil Mesyuarat Acara SASTIEC 2017 yang diadakan pagi tadi (semalam), kami bersetuju memberikan bonus kepada pemenang tempat pertama hingga kelima," katanya.

Pengumuman itu menyaksikan juara kategori lelaki tempatan yang sebelum ini menerima hadiah wang tunai sebanyak RM3,000 bakal menerima bonus RM2,000 sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan hadiah diterima sejumlah RM5,000.

"Pemenang tempat kedua bagi kategori sama pula akan men-

INFO SASTIEC 2017

- Diperkenalkan sejak tahun 2008.
- Diinspirasi oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah Sultan Abu Bakar yang cintakan alam semula jadi, aktiviti mencabar termasuk sukan air.
- Perlumbaan rimba yang memerlukan peserta mengharungi laluan berhalangan dalam hutan semula jadi di Pulau Tioman, Rompin, Pahang.
- Dianggap perlumbaan rimba paling mencabar di Asia Tenggara kerana peserta perlu merentasi laluan hutan, gunung dan mendaki gunung untuk sampai ke garisan penamat.
- Melibatkan kategori antarabangsa, tempatan dan veteran dengan jarak perlumbaan sejauh 50 kilometer.

Penganjur: SAS Eco Challenge Sdn. Bhd.

Alamat: C1-1-2 Solaris Dutamas, No.1, Jalan Dutamas 1, Kuala Lumpur.

Telefon: 03-6206 3830 / 013-323 1283

Faks: 03-6206 3880

Laman web: www.eco-challenge.com.my

Senarai agensi terlibat menjayakan SASTIEC 2017

- Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
- Universiti Malaysia Pahang (UMP)
- Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)
- Lembaga Pembangunan Tioman.
- Askar Wataniah Rejimen 505
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Pahang
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Pahang.

Untuk maklumat lanjut mengenai SASTIEC 2017, orang ramai boleh melayari laman web www.eco-challenge.com.my atau hubungi talian 03-6206 3830

erima RM4,000 setelah dicampur bonus, diikuti tempat ketiga (RM3,500) serta keempat dan kelima (RM3,000). Tempat keenam kekal menerima RM1,000, ketujuh dan kelapan (RM750) serta kesembilan dan ke-10 (RM500).